

# Simpanan, pelaburan, sama tetapi tidak serupa

**Sebagai** pelajar, anda mungkin mempunyai sumber pendapatan yang terhad namun ia bukanlah alasan untuk tidak mengurus wang dengan bijak.

Mengurus wang dengan bijak termasuklah memastikan wang yang anda terima dapat terus berkembang nilainya. Caranya ialah dengan melaburkan wang anda. Ingat, lebih awal anda melabur, lebih besarlah wang yang boleh dikumpul.

Namun, kesilapan kecil yang sering dilakukan dalam mengurus wang ialah anda gagal memahami perbezaan antara menyimpan dan melabur.

Kesilapan kecil ini sering ramai yang gagal dalam misi membina kekayaan. Namun ia sebenarnya amat mudah untuk dibetulkan jika anda memahami perbezaan antara kedua-duanya.

## Simpanan

Simpanan adalah apabila anda memperuntukkan sebahagian wang untuk disimpan dan diletakkan di tempat yang selamat seperti dalam tabung dan akaun simpanan di bank.

Wang yang disimpan hanya bertambah sekiranya anda

menambahnya. Sebagai contoh, wang saku yang disimpan setiap hari telah terkumpul sebanyak RM100 dan disimpan ke dalam akaun simpanan di bank.

Jumlah itu akan kekal selagi ia tidak ditambah kerana wang dalam akaun simpanan tidak menerima dividen yang besar, biasanya hanya sekitar satu peratus atau kurang daripada itu.

Jadi apabila sudah bekerja kelak, wang perlu dibiarkan dalam akaun simpanan ialah wang yang anda perlukan untuk perbelanjaan bulanan diri dan keluarga.

## Pelaburan

Berlainan dengan konsep pelaburan, wang yang dilaburkan berpotensi untuk berkembang kerana ia berpotensi menerima pulangan lebih tinggi.

Sebagai contoh, apabila anda melabur RM100 dalam ASB, dengan anggaran purata dividen tahunan ialah 5%, anda akan menerima dividen sebanyak RM5, menjadikan modal anda bertambah kepada RM105. Jika melabur sebanyak RM500 pula, anda akan menerima dividen

sebanyak RM25.

Untuk melabur, anda tidak perlu menunggu sehingga mempunyai duit banyak. Jumlah kecil boleh dikembangkan dengan syarat anda **berdisiplin** dan melabur secara konsisten untuk tempoh yang panjang.

Oleh itu, jangan lupa untuk melaburkan wang yang anda simpan dalam tabung setiap kali tabung anda penuh.

Jika inginkan membeli sesuatu, ambil 10 peratus daripadanya dan selebihnya laburkan dengan segera ia boleh terus bertambah dari tahun ke tahun.



**Konsep pelaburan** ialah seperti kita pokok yang tumbuh dan membesar, akhirnya memberi pulangan kepada kita dalam bentuk buah dan bunga.

**KATEGORI REMAJA  
13-17 tahun**

# KUIZ PELABURAN PNB

Online

#capaikemerdekaankewangan

**HADIAH UNTUK DIMENANGI**

**RM5,000**

**PERTAMA**  
**1X**

**HADIAH KEDUA**  
**2 x RM3,500**

**HADIAH KETIGA**  
**3 x RM2,500**

**HADIAH KEEMPAT**  
**5 x RM1,000**

**HADIAH KELIMA**  
**20 x RM300**

**SAGUHATI** **225 x RM100**

\*Hadiah dalam bentuk unit amanah ASNB

www.asnb.com.my | Imbas untuk jawab dan penyertaan

### Soalan Kuiz Pelaburan PNB:

- Untuk membina tabungan, anda perlu bijak membezakan antara keperluan dan kehendak sebelum membelanjakan wang yang diterima. Manakah antara berikut merupakan keperluan?
  - Membeli pakaian berjenama dan telefon pintar
  - Membeli air soda berkarbonat
  - Membeli air sirap dan nasi lemak bungkus
- Hutang ialah kemudahan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan yang baik seperti membeli rumah atau menyambung pengajian. Berikut ialah tip menguruskan kewangan dan hutang KECUALI:
  - Buat bajet
  - Boros berbelanja
  - Berbelanja mengikut kemampuan
- Wang yang dikumpul perlu dilaburkan untuk memastikan nilainya tidak mengecil dan jumlahnya terus bertambah. Katakan anda melabur RM500 dalam XYZ dan menerima dividen 5% selepas setahun. Berapakah jumlah dividen yang anda terima?
  - RM30
  - RM25
  - RM50
- Usia yang muda jangan disia-siakan. Lebih awal anda mula melabur, lebih panjang tempoh pelaburan dan lebih besar peluang membina tabungan yang kukuh. Berikut ialah cara untuk membina tabungan lebih pantas dalam jumlah lebih besar KECUALI:
  - Melabur secara konsisten setiap bulan ke dalam instrumen pelaburan seperti unit amanah
  - Simpan wang dalam akaun simpanan di bank
  - Tidak mengeluarkan wang pelaburan sesuka hati sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan
- Apabila seseorang itu melabur, mereka perlu mengetahui mengenai risiko dan pulangan. Biasanya lebih tinggi risiko, lebih tinggi pulangan pelaburan yang boleh diharapkan. Apakah yang dimaksudkan dengan risiko dalam pelaburan?
  - Kemungkinan menanggung kerugian daripada pelaburan
  - Terdedah kepada kemiskinan
  - Kebaruan kitalhan pihak berkusa
- Borang peraduan ini akan diterbitkan bersama satu artikel berlainan tajuk selama 5 hari bermula dari **1 Oktober hingga 5 Oktober 2020**. Dalam setiap artikel, satu kata kunci telah diwarnakan. Nyatakan 5 kata kunci berkenaan.

### Kaedah Penyertaan

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun - 17 tahun
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my). Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line),
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengurusan. Keputusan pemenang adalah mutuamad.
- Termasuk dan syarat lanjut peraduan di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Tarikh tutup penyertaan: **25 Oktober 2020**